

# Graduan UMS bahu realisasi visi kerajaan

**Larissa Lumandan &  
Rayner Majantim DE 24.11.14 5**

KOTA KINABALU: Graduan kumpulan pertama Ijazah Kejuruteraan (Minyak dan Gas) menerima skrol mereka semasa Majlis Konvokesyen ke-16 Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diadakan di Dewan Canselor di sini pada Sabtu.

Seorang daripada graduan itu, Chung Chen Chong, 63, berkata dengan mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang itu, beliau berharap dapat menyumbang kepada visi kerajaan dalam mendapatkan lebih daripada 20,000 individu terlibat dalam sektor minyak dan gas pada masa hadapan.

Semasa satu temu bual, Chung mengambil peluang untuk merakamkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyokong beliau sepanjang pengajiannya.

"Saya ingin berterima kasih kepada orang atasan saya, ahli keluarga terutamanya isteri saya, profesor-profesor terutamanya pengarah kursus saya, Professor Pogaku Ravindra dan rakan sekelas, Mooganamoorthy Ganesan yang menyokong dan membantu sepanjang pengajian saya.

"Isteri saya, sepanjang pengajian saya sangat memahami kerana saya jarang berada di rumah dan kerap menghabiskan masa melakukan ulang kaji dan tugas," katanya.

Chung yang ketika ini sedang bekerja tetapi memutuskan untuk mengambil program ijazah sarjana sepenuh masa berkata beliau juga membahagikan masanya dengan baik di antara menghadiri kelas dan bekerja.

"Saya sangat bertuah orang atasan saya membenarkan saya untuk menyambung pengajian saya," katanya sambil menambah bahawa dia ketika ini berfikir sama ada untuk meneruskan pengajian di peringkat PhD.

"Nasihat saya kepada semua anak muda di luar sana ialah tidak ada had umur apabila ia tentang melanjutkan pelajaran anda dan mencapai cita-cita kerana saya percaya di mana ada kemahuan di situ ada jalan," katanya.

Bagaimanapun, Chung menjelaskan beliau menghadapi beberapa cabaran dalam pengajiannya kerana sudah lebih 20 tahun sejak beliau mengambil Diploma dalam Kejuruteraan Awam di Universiti of Dundee di Scotland begitu juga Ijazah Sarjana Mudanya di Tamkang Universiti di Taiwan.

"Oleh itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuhan kerana membantu saya melalui kesukaran itu," katanya.

Chung yang mempunyai dua anak yang ketika ini sedang melanjutkan pelajaran di Taylor's University dalam Seni Bina serta Pengurusan Hospitaliti berkata, beliau memutuskan untuk melanjutkan pelajarannya di UMS kerana kos lebih murah selain ia terletak berdekatan dengan tempat kerjanya.